

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 26 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan peratusan pelaksanaan sistem pembayaran terbuka dalam rangkaian pengangkutan awam Lembah Klang terutamanya di dalam rangkaian Prasarana seperti LRT, MRT dan bas Rapid KL.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk maklumkan Ahli Yang Berhormat, pembayaran terbuka ataupun *Open Payment* adalah trend global yang telah lama dilaksanakan di sistem pengangkutan awam di London, Sydney, Singapura dan kota-kota terkemuka yang lain. Dari segi dasar membudayakan penggunaan pengangkutan awam, pelaksanaan *Open Payment* bukan sahaja memudahkan urusan pengguna harian tetapi juga memberikan insentif kepada pengunjung dari dalam ataupun luar negara untuk memilih pengangkutan awam.

2. Sebagai contoh, seorang pelancong dari UK yang baru tiba di pusat bandaraya Kuala Lumpur boleh menaiki tren LRT dengan mengeluarkan kad kredit dan menyentuh pada alat pengimbas di gantri masuk stesen LRT tanpa perlu membeli token Rapid KL dengan tunai ataupun membeli kad Touch-n-Go di kaunter tiket.

3. Sejak awal tahun 2023, Prasarana telah mula merancang pelaksanaan sistem pembayaran terbuka bermula dengan rangkaian perkhidmatan rel di Lembah Kelang. Kini, Prasarana sedang memuktamadkan pelan pelaksanaan tersebut untuk rangkaian Rapid Rail yang merangkumi Laluan LRT Kelana Jaya, Laluan LRT Ampang, Laluan MRT Kajang, Laluan MRT Putrajaya dan Monorail. Sistem baru ini akan memperkenalkan penggunaan MyDebit dan Kad Kredit sebagai mod pembayaran tambahan di gantri selain kaedah pembayaran sedia ada yang menggunakan kad Touch-n-Go ataupun Token.

4. Kerja-kerja '*Design and Development*' dijangka akan mula pada Mac 2024. Prasarana akan mengambil tempoh 11 bulan iaitu sehingga Februari 2025 untuk menyiapkan 50% daripada gantri di setiap stesen untuk menerima kaedah pembayaran terbuka. Menjelang Ogos 2025, semua gantri di setiap stesen akan siap. Sekiranya perlu, sistem ini akan terus diperkembangkan dengan membolehkan penggunaan mod pembayaran yang lain seperti Kod QR dalam fasa pelaksanaan yang seterusnya.

NO. SOALAN: 1

5. Di samping itu, untuk seluruh rangkaian KTMB Komuter di Lembah Kelang, penaiktarafan sistem tiket atau Automatic Fare Collection (AFC) kini hampir selesai. Mulai pertengahan November 2023, pengguna KTMB dapat menikmati kemudahan baru di mana kesemua 57 stesen KTMB Komuter di Lembah Kelang dilengkapi dengan alat pengimbas di gantri yang menyokong kaedah pembayaran terbuka termasuk kad kredit, kad debit, Touch-n-Go dan Kod QR melalui aplikasi mobile KTMB (KITS). Jumlah kos projek adalah sebanyak RM29 juta.

Sekian, terima kasih.